From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: STRATEX UUM TEROKA PELUANG KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA SOLO LABELLER TECHNOLOGY
Date: Monday, 21 September, 2026 10:13:19 AM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

21 SEPTEMBER 2026 / 9 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Prof. Madya Dr. Chuah Chin Wei
Gambar oleh: STRATEX Research Group, SBM

STRATEX UUM TEROKA PELUANG KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA SOLO LABELLER TECHNOLOGY



UUM ONLINE: Puchong - Selaras dengan hasrat Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk memperluaskan jaringan kerjasama strategik bersama pihak industri, STRATEX Research Group, Pusat pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) telah mengadakan lawatan ke Solo Labeller Technology Sdn. Bhd. di Kawasan Perindustrian Puchong Utama, Selangor untuk meneroka potensi kolaborasi antara kedua-dua pihak.

Delegasi UUM diketuai oleh Prof. Madya Dr. Chuah Chin Wei bersama ahli kumpulan penyelidikan, Prof. Dr. Subramaniam Sri Ramalu dan Prof. Madya Dr. Saufi Che Rusuli, manakala Solo Labeller Technology pula diwakili oleh Pengarah Urusannya, Cheong Tuck Seng.



Ditubuhkan pada tahun 1993, Solo Labeller Technology adalah sebuah syarikat tempatan yang terlibat dalam pembuatan dan pembekalan mesin pelabelan berasaskan teknologi automasi. Syarikat tersebut turut menawarkan perkhidmatan pelabelan standard dan khusus mengikut spesifikasi pelanggan dalam pelbagai sektor termasuk FMCG, farmaseutikal, serta penjagaan kesihatan.

Pertemuan tersebut telah membuka ruang untuk kedua-dua pihak mengadakan perbincangan berkaitan potensi kerjasama yang boleh diadakan. Antaranya ialah pelaksanaan kajian kebolehpasaran produk Solo Labeller khususnya menerusi program Labelling as a Service (LAAS) kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS).



Selain itu, turut dibincangkan adalah kerjasama dua hala antara UUM dan Solo Labeller untuk melahirkan bakal usahawan dalam kalangan graduan UUM dalam industri mesin pelabelan. Kedua-dua pihak turut membincangkan peluang penempatan pelajar UUM untuk menjalani latihan industri di Solo Labeller Technology.

Lawatan ini diharapkan menjadi titik permulaan kepada kerjasama yang lebih erat antara UUM dan Solo Labeller Technology, khususnya dalam menghubungkan kepakaran akademik dengan keperluan sebenar industri.



Kerjasama ini juga dijangka akan membuka ruang untuk kedua-dua pihak meneroka bidang-bidang lain seperti pembangunan strategi, pemasaran, keusahawanan, dan pembangunan bakat pada masa hadapan.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.